

Gaji pekerja wanita lebih rendah

Hanya terima RM66.67 bagi setiap RM100 diterima pekerja lelaki

Oleh AISYAH BASARUDDIN
 SHAH ALAM

Gaji pekerja wanita di negara ini didapati lebih rendah berbanding lelaki, menurut laporan Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) 2022 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pekerja wanita menerima gaji sebanyak RM66.67 bagi setiap RM100 gaji serta upah diterima pekerja lelaki menerusi sub-indeks Peluang dan Penyertaan Ekonomi.

Menurutnya, jumlah anggaran pendapatan diperoleh pekerja wanita menerusi bancian itu hanya RM42,080 per tahun manakala lelaki RM63,117 per tahun.

"Namun, bagi sub-indeks Pencapaian Pendidikan, wanita telah melebihi lelaki dengan skor 1.067, kadar enrolmen di peringkat rendah dan menengah bagi perempuan secara konsisten lebih tinggi berbanding lelaki.

"Pada 2022, kadar enrolmen kasar wanita di peringkat rendah dan menengah adalah 98.8 peratus serta 94.9 peratus.

"Di peringkat tertuari, wanita merekodkan 49.5 peratus mengatasi lelaki (33.2 peratus), pencapaian ini menunjukkan komitmen negara dalam menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Statistik Pemeraksanaan Wanita dalam Domain Terpilih Malaysia 2023 yang dikeluarkan DOSM itu merupakan siri keenam sejak 2017.

Laporan itu memperincikan statistik gender di negara ini dari 2020 hingga 2022 dengan memfokuskan set teras indikator gender merangkumi sebelas domain berdasarkan data terkini daripada pelbagai agensi.

MGGI 2022 menunjukkan purata skor 0.694 atau 69.4 pe-

ratus iaitu meningkat 0.2 mata berbanding 69.2 peratus pada 2021.

Ia turut melaporkan seramai 15.7 juta penduduk Malaysia adalah perempuan daripada keseluruhan 32.7 juta penduduk pada 2022.

Purata gaji dan upah bulanan pekerja wanita terus meningkat kepada RM3,140 pada 2022 berbanding RM2,968 pada 2021.

Dalam pada itu, Uzir berkata, Malaysia berdedikasi untuk capai kesaksamaan gender dan promosi hak wanita, selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan dan Rancangan Malaysia Ke-12.

Selain itu, MGGI 2022 turut melaporkan purata jangka hayat wanita semasa lahir di negara ini kira-kira 76.4 tahun, lebih lama berbanding lima dekad lalu iaitu 65.6 tahun (1970) menerusi sub-indeks Kesihatan dan Kehidupan.

Bagi sub-indeks Penguasaan Politik pula merekodkan skor terendah iaitu 10.2 peratus yang menunjukkan potensi peningkatan perwakilan dan pemeraksanaan wanita dalam politik.

